

07 SEP 2001

Mahathir-Panel

MAHATHIR JUMPA ANGGOTA PANEL ANTARABANGSA MSC

PUTRAJAYA, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan pertemuan secara berasingan dengan lima anggota Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP) di pejabatnya.

Mereka ialah Prof Derek Williams dari Oracle Corporation, Les Hayman (Sap Ag), Prof Dr Richard Nicol (BT Asean), Datuk Tadahiro Sekimoto (NEC) dan Narayana Murthy (Infosys Tech Ltd).

Setiap anggota menemui Dr Mahathir selama 30 minit dengan sebahagian besar perbincangan tertumpu kepada hala tuju MSC.

Yang turut hadir pada semua pertemuan itu ialah Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia Tan Sri Othman Yeop Abdullah.

Hayman memberitahu pemberita selepas pertemuannya dengan Dr Mahathir bahawa perbincangannya dengan Perdana Menteri berasaskan kepada kemajuan MSC dan fokus projek pada masa akan datang.

"Kami berbincang terutamanya mengenai e-pembelajaran dan bagaimana ia boleh digunakan dalam sistem pendidikan tempatan..."

"Kami juga berbincang tentang perlunya tenaga kerja mahir dan saya tidak fikir ini menjadi masalah bagi negara ini kerana Malaysia sedang melahirkan tenaga kerja yang diperlukan bagi MSE melalui universitinya," katanya.

Nicol pula berkata beliau memberi penjelasan tentang penubuhan BT Asean, sebuah syarikat yang bertaraf MSC.

"Saya menghuraikan kepada beliau mengenai operasi kami di sini dan bagaimana kami berharap untuk bekerjasama dengan universiti tempatan selain dengan syarikat," katanya.

Nicol berkata beliau juga memberitahu Dr Mahathir mengenai hasrat BT Asean untuk menubuhkan beberapa syarikat dalam MSC dengan bantuan pelabur teroka tempatan.

Tadahiro pula berkata perbincangannya dengan Dr Mahathir menyentuh tajuk yang luas dengan penekanan kepada keadaan ekonomi di Malaysia dan Jepun.

"Kami juga menyentuh tentang kesan daripada kelembapan ekonomi Amerika di rantau ini, dan walaupun terdapat sedikit kesan, bagi Malaysia ia adalah minimum sahaja dan kami rasa positif yang MSC tidak akan terjejas akibat daripada kemelesetan itu," katanya.

Beliau berkata NEC yakin bahawa MSC akan mencapai kejayaan dan beliau mengucapkan tahniah kepada Dr Mahathir kerana wawasannya dalam mewujudkan projek koridor itu.

Narayana berkata perjumpannya dengan Dr Mahathir bertujuan bagi menyampaikan ucapan terima kasih kepada beliau dan memberi cadangan untuk meningkatkan lagi prestasi projek itu.

"Ini pencapaian yang sangat menggalakkan dengan 546 syarikat termasuk 46 multinasional dan kami tahu ia satu kejayaan," katanya.

Beliau berkata Malaysia tidak seharusnya menganggap kelembapan ekonomi Amerika sebagai satu halangan untuk mencapai kejayaan, sebaliknya hendaklah menggunakannya sebagai peluang untuk menjadi lebih kuat.

Ketika merumuskan pertemuan hari ini, Othman berkata pendapat anggota-anggota panel itu adalah memberangsangkan memandangkan kesemua mereka secara ikhlas menyatakan pendapat bahawa MSC sedang menuju ke arah yang betul dengan kelajuan yang sangat pantas.

"Mereka juga menghargai usaha kerajaan untuk menimbulkan kesedaran di

kalangan rakyat tentang MSC kerana tenaga kerja mahir sangat diperlukan untuk menjayakannya.

"Beberapa pendapat juga diketengahkan umpamanya mengenai penubuhan institut kepimpinan untuk melatih rakyat Malaysia yang muda tentang kemahiran berunding dan amalan perniagaan yang baik," katanya.

-- BERNAMA

SR AKT AMM NMO